STATE SECRETARY, KEDAH (INCORPORATION)

IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19
(1 Kekosongan)

1. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
2. Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Jabatan : State Secretary, Kedah (Incorporation)
5. Gaji Permulaan : RM1,625.00
6. Syarat Lantikan :

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i. warganegara Malaysia,

ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

iii. Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,625.00); atau

iv. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) /Sijil Vokasional Malaysia (SKM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

B. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, elaun Tetap, elaun Khas Kesejahteraan dan sebagainya tertakluk kepada **State Secretary, Kedah (Incorporation).**

C. CARA MEMOHON

Permohonan perlulah lengkap dengan mengemukakan surat rasmi permohonan jawatan, resume berserta sekeping gambar terbaru (berukuran pasport), salinan sijil-sijil disahkan dan dokumen-dokumen berkaitan.

D. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

1. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23 cm x 31 cm dan di sudut atas sebelah kiri hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon. Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

   State Secretary, Kedah (Incorporation)
   Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
   Kaunter Khidmat Pelanggan
   Aras 1, Blok B, Wisma Darul Aman,
   05503 Alor Setar,
   Kedah Darul Aman.

2. Tarikh tutup permohonan jawatan :

   03 November 2026 (Selasa) Jam 12.00 Tengah Hari

E. CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.

4. Sila patuhi arahan yang diberikan.